




buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

UNTUNG RUGI NATURALISASI



MAC & APRIL
2023



BENGKEL MS ISO 9001:2015
Kenali Perpustakaan : Teluk Kalong

Sambutan Hari u-Pustaka | World Quran Hour | Bengkel Perlaksanaan EKSA

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mazli bin Che Mamat

Cik Nik Nur Afiqah binti Nik Mohd Jalal

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI


Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100
09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my
URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



ppaterengganu



PPAT TV

NATURALISASI



DEFINISI

[na. tu. ra. li. sa. si]

(Udg) Pemberian hak warganegara kepada seseorang yang bukan warganegara asal sesebuah negara setelah orang itu memenuhi syarat permastautinan dan syarat lain; menaturalisasikan memberikan hak sebagai warganegara kepada orang asing setelah orang itu memenuhi syarat permastautinan dan syarat lain, mewarganegarkan.

(Kamus Dewan Edisi Keempat)

MS ISO 9001 : 2015

Seramai 20 orang kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) yang melibatkan wakil-wakil Bahagian / Unit telah mengikuti bengkel MS ISO 9001:2015 selama 2 hari yang bermula pada 7.3.2023 hingga 8.3.2023 bertempat di Pusat Bahasa Terengganu, PPAT.

Sepanjang berlangsungnya bengkel tersebut, para peserta telah diberi pemahaman, pengetahuan dan perkara penambahbaikan berkaitan pensijilan MS ISO 9001:2015 yang perlu.



Bengkel Pelaksanaan EKSA

Bengkel Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah berlangsung pada 21 Mac 2023 bertempat di Makmal Bahasa, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Bengkel ini telah dihadiri seramai 28 orang yang terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Induk EKSA.


Tujuan bengkel ini dilaksanakan ialah untuk memberi taklimat dan pendedahan berkaitan pelaksanaan EKSA di PPAT. Taklimat dan ceramah telah disampaikan oleh pemenang EKSA Negeri Terengganu iaitu Dr Abdul Jalal bin Abdullah dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.



SELAMAT BERSARA

Selamat bersara kepada Encik Zakaria bin Ismail yang telah bersara wajib pada 17 Mac 2023. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai sebagai Pembantu Pustakawan S19 pada tanggal 16 April 2008 dan menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan, S22(KUP).

*Terima kasih, selamat bersara
dan jasamu tetap dikenang.*





PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG TELUK KALONG

BUKA 8.45pg - 5.00ptg
TUTUP Sabtu-Rabu
Khamis Jumaat

SELAYANG PANDANG

Perpustakaan Desa Telok Kalong merupakan langkah awal yang telah diambil oleh pihak Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dalam usaha untuk membangunkan sebuah pusat penyebaran maklumat di peringkat kampung. Keperluan kepada sebuah perpustakaan desa atau pusat penyebaran ilmu yang cukup dengan kemudahan internet dan penyediaan bahan bacaan menepati keperluan penduduk setempat menjadi keutamaan pihak perpustakaan.

Kepesatan pembangunan yang berlaku di kawasan kampung Telok Kalong menjadikannya sebuah kampung yang sentiasa menerima kemasukan masyarakat luar. Dengan mengadakan pelbagai aktiviti untuk semua peringkat usia telah membantu memperkenalkan lagi Perpustakaan Desa Telok Kalong. Aktiviti yang melibatkan agensi sekitar turut membantu memperkenalkan lagi perpustakaan kepada masyarakat kampung berhampiran. Melalui cara ini diharap dapat merapatkan jurang ilmu dikalangan penduduk di luar Bandar dan Bandar. Disamping itu ianya bertujuan untuk memupuk minat membaca dan mencintai ilmu serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa.

Mukim Kampung Telok Kalong mempunyai jumlah penduduk yang hampir 8000 orang menjadi penyumbang kepada kepelbagaiannya bidang kerja dan ekonomi yang terdapat di sini. Bangunan perpustakaan ini terletak dilokasi yang sangat strategik dengan sekolah serta pusat kesihatan. Majoriti pengunjung perpustakaan ini merupakan golongan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, aktiviti promosi perpustakaan dan aktiviti yang dilakukan dengan kaedah edaran risalah dan sebaran melalui elektronik.

Antara kemudahan yang terdapat di perpustakaan desa ialah pinjaman pelbagai jenis buku, bahan rujukan, majalah, akhbar dan juga majalah yang meliputi pelbagai aspek. Selain itu terdapat juga alat mainan seperti sahiba, saidina, congkak, dan lain-lain. Perpustakaan juga aktif melaksanakan aktiviti seperti pertandingan melukis danmewarna, kuiz-kuiz dan permaianan dalaman bagi memastikan perpustakaan sentiasa diminati untuk dikunjungi. Sememangnya perpustakaan desa merupakan satu agensi yang asing bagi seluruh masyarakat.

HUBUNGI

- Perpustakaan Desa, Kampung Teluk Kalong
24000 Kemaman, Terengganu
- 0136443045
- padkerteh@trglib.gov.my
- [www.https://trglib.gov.my](https://trglib.gov.my)



FEEDBACK

sorotan

WORLD #QuranHour2023

Program World Quran Hour Peringkat Negeri Terengganu telah berlangsung pada 13 April 2023 bersamaan 22 Ramadan 1444H bertempat di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Kali ini kandungan surah Al-Insan dihayati dalam memberi panduan tentang karakter yang perlu dididik dalam diri seseorang untuk menjadi insan berkebajikan (Al-Abrar).

Program ini telah bermula pada jam 10.30 pagi dan telah dirasmikan oleh YB Ustaz Ridzuan b. Hashim, Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Sempena program ini, turut diadakan Ceramah Agama 'Membina Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah : bersediakah kita?' yang disampaikan oleh Ybhg. Ustaz Kamaruzaman bin Abdullah.

Sebagai pengisian kepada program ini, turut diadakan beberapa pertandingan bersesuaian antaranya Pertandingan Qari Cilik sekolah rendah tahap 2 dan Dai' Cilik: Pertandingan Bercerita Kisah Nabi.



sorotan

u-pustaka u-pustaka u-pustaka
u-pustaka u-pustaka u-pustaka



sambutan Hari u-Pustaka



30 mac 2023 | Khamis


Sambutan hari u-Pustaka ke-12 telah diadakan di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Sambutan kali ini telah dirasmikan oleh Puan Norliza Binti Ismail, Pengarah perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

Pengisian program dintersukan dengan perkongsian pengalaman dan faedah yang diperolehi oleh guru perpustakaan dan media SMK Sri Nilam, Cikgu Sharifah Julianah yang merupakan seorang pengguna aktif u-Pustaka.

Ini kerana, perkhidmatan u-Pustaka adalah perkhidmatan perpustakaan digital negara yang dapat diakses oleh seluruh rakyat Malaysia pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja melalui portal u-Pustaka.

Selain itu, u-Pustaka menyediakan akses kepada bahan digital yang merangkumi buku audio, buku elektronik, majalah, jurnal, suratkhabar elektronik, perkhidmatan pangkalan data dan penerbitan kerajaan.

Sambutan kali ni juga disertakan dengan beberapa aktiviti sampingan antaranya pertandingan kuiz u-Pustaka kepada pelajar sekolah menengah dan rendah sekitar Kuala Terengganu. Seramai 150 orang peserta telah menyertai program di PPAT ini. Sambutan ini turut dijalankan diperingkat Perpustakaan Awam Daerah Negeri Terengganu termasuk Pekan.



*"Hakikat manusia ada pada hati (**cinta**),
selebihnya hanya daging dan tulang"*

Jalalludin Rumi



**AHMAD IZZUDIN BIN RAMLI
MELAYU, 25**

Pada pendapat saya kebaikan dan keburukan naturalisasi pemain bola sepak dapat dilihat dari sudut kecerdasan dan pengalaman yang mana sangat memberi kelebihan terutama dalam mutu permainan pasukan. Manakala keburukan daripada terlalu ramai naturalisasi adalah akan mengurangkan peluang pemain tempatan untuk beraksi.



**MUHAMAD HAFIZIN BIN ZAKARIA
MELAYU, 30**


Naturalisasi pemain bola akan mewujudkan persaingan secara sihat di kalangan pemain tempatan. Setiap pemain akan sentiasa berusaha untuk mencapai tahap kemampuan maksimum bagi mendapatkan tempat dalam setiap perlawanan. Ini merupakan kebaikan yang diperolehi secara tidak langsung kepada pemain tempatan. Walaubagaimana pun, naturalisaasi ini akan memberi sedikit kekangan kepada pemain-pemain baharu yang memerlukan peluang untuk beraksi dalam keselamatan utama



**MOHD SHUKOR BIN SALLEH
MELAYU, 44**

Penggunaan pemain naturalisasi boleh memberi impak positif kepada skuad kebangsaan. Namun syarat pengambilan pemain perlu lebih ketat dan hanya yang benar-benar berkualiti dipilih untuk menarung jersey skuad negara. Kelabihan fizikal dan kemahiran atas padang menjadi faktor pemisah kualiti pemain naturalisasi dengan pemain tempatan. Selain itu, kehadiran pemain naturalisasi akan membuka saingan dan boleh merangsang peningkatan kemahiran serta kualiti pemain-pemain tempatan.





buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2023 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my